Mesej Tiga

Gandum Hayat, Benih Baik, Garam Bumi, Cahaya Dunia, dan Nelayan Penjala Manusia

Bacaan Bible: Mat. 3:12; 13:38; 5:13-16; 4:16-20

I. Percayawan dilambangkan oleh simbol gandum hayat yang akan dikumpulkan ke dalam lumbung Tuan—Mat. 3:11-12; 13:24-30, 38-42:

A. Percayawan sebagai gandum mempunyai hayat divin dalam mereka; hayat ialah Tuhan sendiri yang dinikmati manusia—Mzm. 36:7-9; Yoh. 1:4; 10:10; 14:6; 6:63.

B. Sekiranya kita ingin hayat Kristus tidak terhalang dalam kita, kita harus mengalami penghancuran salib, iaitu kematian Kristus yang membunuh dalam Roh almuhit, supaya halangan-halangan berikut dalam kita dapat ditanggulangi dan disingkirkan:

1. Menjadi orang Kristian bermaksud memberi perhatian kepada Kristus yang hidup dalam kita dan tidak mengambil apa-apa selain Kristus sebagai sasaran kita; halangan bagi hal ini ialah tidak mengenali jalan hayat dan tidak mengambil Kristus sebagai hayat kita—Mat. 7:13-14; Flp. 3:8-14; Kol. 3:4; Roma 8:28-29.
2. Halangan kedua ialah kemunafikan; kerohanian seseorang bukan ditentukan oleh penampilan luaran tetapi ditentukan oleh bagaimana dia memberi perhatian kepada Kristus—Mat. 6:1-6; 15:7-8; Yoh. 5:44; 12:42-43; bd. Yos. 7:21.
3. Halangan ketiga ialah pemberontakan; kita mungkin sangat aktif dan bersungguh hati melakukan hal namun tetap memenjarakan dan mengingkari Kristus hidup yang ada dalam kita dengan tidak mempedulikan-Nya—Im. 14:9, 14-18; 11:1-2, 46-47; Roma 16:17; 1 Kor. 15:33.
4. Halangan keempat ialah keupayaan alamiah kita; sekiranya keupayaan alamiah ini kekal tidak dihancurkan dalam kita, keupayaan ini akan menjadi masalah kepada hayat Kristus—2:14-15; 3:12-17; Yud. 19-21.

II. Percayawan dilambangkan oleh simbol benih baik, yakni anak-anak kingdom yang disemai oleh Tuan untuk bertumbuh dalam kingdom-Nya—Mat. 13:24, 38:

A. Benih ialah sabda Tuhan (ay. 4, 19; Luk. 8:11), Kristus sendiri (1 Ptr. 1:23), yang disemaikan ke dalam kita untuk menjadikan kita benih baik, anak kebangkitan (Mat. 13:38; Luk. 20:36-38).

B. Sabda Tuhan adalah seperti biji gandum yang mendispenkan Tuhan yang merupakan hayat ke dalam kita untuk mengkhasiati kita; begitu juga, sabda adalah seperti api yang membakar kita dan banyak perkara yang kita sandari, dan sabda adalah seperti tukul yang menghancurkan diri kita, hayat alamiah kita, tubuh daging kita, nafsu kita, dan konsep kita—Yer. 23:28-29.

C. Sebagai benih baik, kita harus mengikut Tuan jatuh ke dalam tanah dan mati, dan menghasilkan banyak buah dalam kebangkitan; mati dan mengalami salib bererti menyangkal dan menolak hayat-sukma kita, hayat alamiah kita, supaya kita hidup melalui hayat divin—Yoh. 12:23-26, 31-32.

D. Perihal menyemai benih baik merupakan kemartiran, kerana "apa yang kamu semai tidak akan hidup jika tidak mati" (1 Kor. 15:36); kita boleh menjadi orang yang martir dari segi fizikal, psikologi, atau rohani (2 Tim. 4:6; Mat. 16:25; 1 Kor. 16:12; 2 Kor. 2:12-14).

E. Kasih Kristus yang mesra mendesak kita agar hidup dan mati terhadap-Nya serta menjadikan kita orang yang martir untuk-Nya—5:14-15; Roma 8:35-37; 14:7-9; Wahi 2:10; 12:11.

Mesej Tiga (sambungan)

F. Pematian Yesus dalam sekitaran kita bekerjasama dengan Roh yang huni secara dalaman untuk membunuh manusia alamiah kita dan membebaskan hayat divin—Roma 8:2, 13; 2 Kor. 4:10-13; Yer. 48:11.

G. Semasa kita membenarkan kematian Tuan beroperasi dalam kita, semua pelayanan kita terhadap Tuan harus berasal daripada Tuhan, bukan daripada diri kita, supaya hayat kebangkitan-Nya dapat disalurkan ke dalam orang lain menerusi kita—2 Kor. 4:12-13; 1:8-9; 4:5; 10:13:

1. Daud mengasihi Tuhan, bertakwa kepada Tuhan, dan bekerjasama dengan Tuhan untuk membenarkan Tuhan bekerja; walaupun dia mempunyai keupayaan untuk membina bait Tuhan, namun dia berhenti apabila sabda Tuhan datang kepadanya—2 Sam. 7:18, 25, 27; bd. Luk. 1:38.
2. Tindakan Daud berhenti telah mendirikan kesaksian yang berganda dalam alam semesta: pertama, semua kerja dalam alam semesta ini harus berasal daripada Tuhan, bukan daripada manusia; kedua, yang penting ialah apa yang dilakukan Tuhan untuk manusia, bukan apa yang dilakukan manusia untuk Tuhan.
3. Pembina bait dan tapak bait diperoleh daripada dosa-dosa Daud diampunkan, iaitu daripada apa yang dilakukan Tuhan untuk Daud—2 Sam. 12:24-25; 24:1-10, 18-25; 1 Taw. 21:18; 2 Taw. 3:1; Mzm. 51.
4. Dikkak M. E. Barber berkata, "Barang siapa yang tidak dapat berhenti bekerja untuk Tuhan tidak dapat bekerja untuk Tuhan."

III. Percayawan ialah garam bumi, orang yang membunuh dan menghapuskan kuman kekorupan dan kuman pereput di bumi—Mat. 5:13; bd. Im. 2:13:

A. Isteri Lot menjadi tiang garam dan hilang fungsi pengasinannya kerana dia melihat ke belakang disebabkan mengidami Sodom; ini menunjukkan bahawa dia mengasihi dan menghargai dunia jahat yang akan dihapuskan oleh Tuhan—Kej. 19:15, 24-26; Luk. 17:32.

B. Untuk mengikut Tuan seumur hidup, kita harus mencurahkan semua yang kita miliki dan semua yang dapat kita lakukan; jika tidak, kita akan gagal, menjadi garam yang hilang rasanya dan dibuang keluar dari alam yang mulia ke dalam alam yang aib—14:31-35; bd. Wahi 3:21; Yoh. 16:33.

C. Kita tidak harus kecewa atau putus asa, tetapi harus diperkuat dan dijadikan berupaya untuk menghidup keluar ekonomi divin melalui Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi sebagai kurnia yang maha mencukupi—1 Kor. 15:10; 2 Kor. 12:9; 2 Tim. 4:22; Kol. 4:6.

IV. Percayawan ialah cahaya dunia, yakni orang yang membiarkan cahaya mereka bersinar di hadapan manusia untuk menyingkirkan kegelapan dunia—Mat. 5:14-16; Ef. 5:8:

A. Cahaya ialah hadirat Tuhan; oleh sebab kita dilahirkan daripada Tuhan, maka kini kita ialah cahaya dalam Tuan dan harus bergerak-hidup sebagai anak-anak cahaya—1 Yoh. 1:5; Ef. 5:8-9.

B. Cara untuk diselamatkan daripada obsesi, menipu diri sendiri, adalah dengan hidup dalam hayat, terbuka kepada penyinaran Tuhan, dan tidak menjana cahaya kita sendiri—Mzm. 36:8-9; 80:17-19; 139:23-24; 1 Yoh. 1:5, 7, 9; Yes. 2:5; 50:10-11:

1. Simptom seseorang yang mengalami obsesi ialah apa yang difikirkan dan dilakukannya itu sama sekali salah, namun dia beranggapan serta percaya bahawa dia sama sekali betul—Mat. 6:22-23; Yes. 5:20.

2. Berbuat dosa ialah soal kecemaran; berbuat dosa namun percaya bahawa dia tidak pernah berbuat dosa dan menjustifikasikannya, ialah soal kegelapan—1 Yoh. 1:8, 10.
3. Sebab-sebab obsesi, menipu diri sendiri, ialah mencintai kegelapan melebihi cahaya (Yoh. 3:19-20), kesombongan (Ob. 3), tidak menerima kasih terhadap kebenaran (2 Tes. 2:10-11; bd. Ams. 23:23), dan tidak mencari kemuliaan yang berasal daripada Tuhan yang esa (Yoh. 5:44).

C. Hayat datang daripada penyinaran cahaya, cahaya ada dalam sabda Tuhan, dan cahaya ialah perasaan hayat dalaman—2 Kor. 4:6; Mzm. 119:105, 130; Yes. 66:2; Yoh. 8:12; Roma 8:6, 14.

D. "Matamu ialah pelita tubuh. Apabila matamu tunggal, seluruh tubuhmu juga penuh dengan cahaya; tetapi apabila matamu jahat, tubuhmu juga gelap. Jadi, perhatikanlah agar cahaya yang ada dalam kamu itu bukan kegelapan. Oleh itu, jika seluruh tubuhmu penuh dengan cahaya dan tidak ada mana-mana bahagian yang gelap, maka keseluruhannya akan penuh dengan cahaya, sebagaimana apabila pelita menerangimu dengan sinarannya"—Luk. 11:34-36.

V. Percayawan ialah nelayan penjala manusia—Mat. 4:16-20:

A. Menjadi nelayan penjala manusia bererti membawa manusia keluar dari dunia, yang dilambangkan oleh laut serta air mautnya, ke dalam kingdom syurga-syurga—Luk. 5:10.

B. Cara untuk membawa orang lain keluar dari dunia dan memasuki kingdom syurga-syurga adalah dengan memberitakan injil kingdom, iaitu injil penyelamatan lengkap Tuhan, ke seluruh bumi yang berhuni—Mat. 24:14; Luk. 4:18-19; Ef. 3:8-9.

© 2026 Living Stream Ministry